

9.2 Kaca dan Seramik

9.2.1 Memerihalkan komponen kaca dan seramik.

Pilih jawapan yang betul.



Gambar foto 9.7 Silika



Gambar foto 9.8 Botol kaca

1. Kaca diperbuat daripada sebatian yang wujud secara semula jadi di dalam _____. Sebatian ini dikenali sebagai _____.
2. Jenis kaca dengan komposisi dan ciri-cirinya



- mengandungi silika, _____ dan natrium oksida.
- ciri-ciri :
 1. takat lebur _____
 2. mempunyai indeks biasan yang _____.



- mengandungi silika
- ciri-ciri :
 1. tahan terhadap haba.
 2. lengai terhadap bahan kimia

Jenis Kaca



- mengandungi silika, _____, natrium oksida dan aluminium oksida.
- ciri-ciri :
 1. ketahanan yang sangat _____ terhadap haba dan bahan kimia berbanding dengan kaca soda kapur



- mengandungi silika, _____ dan natrium karbonat
- ciri-ciri :
 1. takat lebur rendah.
 2. mudah dibentuk

3. Seramik diperbuat daripada _____. Komponen utama dalam tanah liat ialah _____.
4. Ciri-ciri seramik sama seperti kaca iaitu
- tahan haba dan tekanan yang _____.
 - sangat keras dan rapuh
 - _____ terhadap bahan kimia
 - _____ berkarat
 - penebat haba dan elektrik yang _____.



Gambar foto 9.9 Aluminium silikat



Gambar foto 9.10 Pinggan mangkuk seramik

9.2.2 Menerangkan dengan contoh aplikasi kaca dan seramik




Radas makmal seperti bikar dan kelalang kon diperbuat daripada kaca borosilikat kerana ciri ketahanannya yang sangat _____ terhadap haba dan bahan kimia



Penutup kaca mentol biasanya diperbuat daripada _____ kerana cirinya yang tahan haba dan mudah dibentuk

Prisma kaca yang diperbuat daripada kaca plumbum digunakan untuk mengkaji penyebaran cahaya kerana mempunyai indeks biasan yang _____



_____ kaca yang lut sinar membenarkan cahaya masuk ke dalam rumah



Gambar foto 9.11 Aplikasi kaca



9.2.3 Mewajarkan kesesuaian penggunaan kaca dan seramik dalam kehidupan harian.



Adakah semua jenis kaca boleh digunakan untuk menggantikan kualiti memasak? Apakah jenis kaca yang sesuai?

_____. Jenis kaca yang sesuai ialah _____ kerana ciri-cirinya yang mempunyai ketahanan yang sangat _____ terhadap haba dan bahan kimia berbanding dengan kaca soda kapur.